

SOUTHERN STEEL BERHAD

KENYATAAN POLISI ALAM SEKITAR

Kumpulan syarikat SSB, sebagai pengeluar pelbagai produk barangan besi dengan ini akan bersama-sama menuju ke arah perniagaan cemerlang, disamping berusaha mengurangkan jejak alam sekitar.

Dengan itu, kami beriltizam (komited) untuk:

1. Mengendalikan operasi kami dengan matlamat mengekalkan persekitaran kerja yang kondusif kepada semua pekerja.
2. Memenuhi kewajipan pematuhan alam sekitar dan lain-lain keperluan yang berkaitan.
3. Mewujudkan amalan kerja yang mampan bagi melindungi alam sekitar ditempat kerja.
4. Memantau dan mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (Green House Gases emissions) oleh kami.
5. Mengurangkan guna tenaga dengan memanfaatkan sumber asal tenaga secara pemuliharaan dan penggunaan yang lebih cekap.
6. Memulihara dan menggunakan air dengan lebih berkesan dengan pendekatan ambil semula, kitar semula dan guna semula.
7. Mengurus sisa buangan secara berkesan dan praktikal mengikut kaedah Pengurangan, Guna Semula dan Kitar Semula.
8. Meningkatkan putaran melalui kitar semula dan guna semula kesemua sekerap besi yang dihasilkan oleh ahli kumpulan syarikat SSB sebagai sumber pembuatan besi.
9. Mempromosikan ekonomi kitaran dengan memaksimumkan penggunaan sekerap besi sebagai punca utama dalam pembuatan besi serta mengurangkan kebergantungan terhadap sumber asli.
10. Mendorong penambahbaikan yang berterusan bagi meningkatkan prestasi alam sekeliling dengan mengendali penilaian kebendaan (materiality) berkala untuk mengenalpasti teras utama.
11. Mempromosi kesedaran prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) melalui latihan kepada semua pekerja.

Polisi alam sekitar ini mestilah mudah diperolehi oleh semua pekerja dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Diluluskan oleh,



En. YEOH Choon Kwee
Pengarah Urusan Kumpulan
Tarikh: 1 Jan 2023